

Kerajaan, Cuepacs bincang SSB: PM

BH 22 FEB 2000

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Sabariah Shikh Ali

SHAH ALAM, Isnin – Kerajaan dan Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sedang berunding mengenai Sistem Saraan Baru (SSB) berikutnya rasa tidak puas hati ramai kakitangan awam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mahu mendengar pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan muktamad mengenai SSB, yang diperkenalkan pada 1992 bagi menilai prestasi tahunan mereka.

“Kerajaan masih berunding dengan Cuepacs dan saya sendiri sudah berbincang dengan Presidennya, N Siva Subramaniam mengenai memorandum kesatuan itu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd (Ericsson), di sini hari ini.

Pada 10 Januari lalu, *Berita Harian* menyiarkan laporan khas mengenai pandangan pelbagai pihak yang mempersoalkan keberkesanan SSB.

Tinjauan di kalangan kakitangan awam menunjukkan mereka tidak puas hati dengan pelaksanaan sistem itu kerana ia mencetuskan sikap pilih kasih berhubung kenaikan pangkat.

Hasil kaji selidik SSB yang dilakukan selama dua bulan oleh Cuepacs menunjukkan lebih 90 peratus res-

ponden menolak pelaksanaan sistem itu. Mereka mahu supaya SSB digantikan dengan sistem baru yang lebih realistik serta mampu memberikan faedah sewajarnya kepada pekerja dan kerajaan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, laporan sebuah akhbar hari ini mengenai penentuan kuasa kenaikan gaji kakitangan kerajaan dipindah daripada ketua jabatan kepada satu panel tiga anggota, hanyalah spekulasi. “Kita belum buat keputusan lagi. Kita sudah berbincang dengan Cuepacs mengenai apa yang harus dilakukan,” katanya.

Akhbar New *Straits Times* hari ini memetik sumber sebagai berkata, penentuan kuasa kenaikan gaji kakitangan kerajaan dipindah daripada ketua jabatan kepada satu panel tiga anggota, termasuk wakil Cuepacs.

Ia menyebut bahawa langkah itu dibuat berikutan kritikan terhadap SSB oleh Cuepacs dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bahawa ada ketua jabatan yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk memberi kenaikan gaji kepada orang tertentu saja.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang sama, Dr Mahathir berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 1999 dijangka melebihi

LIHAT MUKA 2

Kemasukan pelabur asing memuaskan

DARI MUKA 1,

BH 22 FEB 2000

unjuran 4.3 peratus yang dibentangkan dalam Belanjawan 2000 Oktober lalu.

Perdana Menteri berkata, ia adalah lebih baik berbanding unjuran awal pertumbuhan ekonomi yang dibuat kerajaan iaitu satu peratus.

Ekonomi Malaysia mula mencatat pertumbuhan pada suku kedua 1999 setelah mengalami penguncupan 6.7 peratus pada 1998. Pemulihan mula ketara sejak negara melaksanakan langkah kawalan tukaran asing pada September 1998 yang mana kadar tukaran ringgit ditetapkan pada RM3.8 bagi satu dolar.

Satu daripada manfaat langkah itu ialah sektor perniagaan yang sebelumnya menghadapi masalah kerana turun naik ringgit yang tidak terkawal, dapat merancang unjuran kos dan kegiatan perniagaan mereka.

Mengenai pembentangan semula Belanjawan 2000 di Dewan Rakyat Jumaat ini, Perdana Menteri berkata, ia adalah belanjawan serupa yang dikemukakan pada Oktober lalu.

“Ini adalah bacaan semula. Tidak ada perubahan. Tidak ada perkara baru dalam belanjawan,” katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan, buat masa ini, kerajaan tidak berniat untuk mengkaji semula nilai tukaran ringgit buat masa ini.

Oleh itu, katanya, sekarang adalah masa paling sesuai untuk pelaburan asing memasuki Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada nilai mata wang yang lebih murah.

“Jika menunggu ringgit dinilai semula, mereka terpaksa membayar kos yang lebih tinggi dari segi nilai. Bagaimanapun, kita tidak ada niat untuk menukar nilai ringgit sekarang,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berpuas hati dengan tahap kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

Walaupun mengharapkan lebih banyak pelabur asing melabur di negara ini, katanya, tahap FDI ke Malaysia pada masa ini adalah lebih baik berbanding dengan beberapa negara lain di rantau ini.